

07 SEP 2000

Khalil-Penyiaran

LANGKAH TINGKAT BAHASA MELAYU DI STESEN PENYIARAN SECARA BERPERINGKAT

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Kerajaan berpendapat langkah meningkatkan mutu penggunaan bahasa Melayu di stesen penyiaran haruslah dilakukan secara berperingkat yang dimulai dengan mendidik kakitangan stesen terbabit mengenai cara yang betul menggunakan bahasa itu.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah bersetuju untuk menganjurkan program pendidikan berbentuk seminar bagi mengajar kakitangan stesen penyiaran mengenainya.

"Kementerian juga akan mengadakan perjumpaan dengan wakil stesen penyiaran bagi memberi peringatan kepada mereka supaya jangan mencampur-aduk terlalu banyak perkataan bahasa lain ke dalam bahasa Melayu," katanya kepada pemberita selepas mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan Bulan Bahasa dan Sastera Negara 2000, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut kenyataannya Isnin lepas bahawa DBP akan menganjurkan seminar dua hari pada Disember ini bagi mendidik kakitangan stesen penyiaran mengenai cara yang betul menggunakan bahasa Melayu.

Seminar itu akan disertai kakitangan Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM), TV3, NTV7 dan juga stesen-stesen radio.

Mengenai agenda mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada Isnin ini, Khalil, yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka memberi taklimat kepada anggota MT mengenai hasil lawatan kerjanya ke Mozambique, London dan Amerika Syarikat baru-baru ini.

"Dr Mahathir juga akan membincangkan mengenai persediaan mengadakan perhimpunan agung khas parti bagi meminda perlembagaan dan mendengar laporan yang akan dibentangkan pengerusi-pengerusi badan perhubungan negeri," katanya.

Perhimpunan agung khas pada November ini dijangka membincang dan meluluskan pindaan perlembagaan parti yang antara lain bagi mengadakan pemilihan jawatan parti di semua peringkat secara serentak.

Menurutnya, Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz juga dijangka memaklumkan kepada MT mengenai cadangannya baru-baru ini supaya Putri Umno yang diwujudkan oleh pergerakan itu dijadikan sebagai kelab dan bukannya sebuah badan politik.

Ditanya sama ada isu pembayaran wang ihsan kepada Terengganu akan turut dibincangkan, Khalil berkata ia tidak perlu dibincangkan di peringkat MT kerana kerajaan sudah membuat penjelasan.

"Bagi saya ia bukannya satu isu kerana kerajaan sudah membuat penjelasan dan mendapat sokongan yang baik daripada sebilangan besar rakyat Terengganu," katanya.

-- BERNAMA
NY AHH NMO